

16 DEC 1996
Mahathir-Misuari
MALAYSIA SEDIA MEMBANTU MINDANAO

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Malaysia akan turut sama dalam membangunkan Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), termasuk membangunkan sumber manusia, infrastruktur dan pelancongannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau telah memberitahu Gabenor ARMM, Nur Misuari semasa perbincangan mereka di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini, yang Malaysia akan memastikan ahli-ahli perniagaannya melabur di Mindanao.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan "Kempen Galakan Tabungan" di sini, Dr Mahathir berkata, program latihan bagi penduduk Mindanao merupakan antara subjek yang mereka berbincang dalam pertemuan selama satu jam.

Misuari yang juga pengerusi Majlis Selatan Filipina Bagi Keamanan dan Pembangunan, tiba di sini, malam semalam, kerana lawatan rasmi selama seminggu. Misuari sebelum ini pernah bertemu dengan Dr Mahathir di Teluk Subic di Filipina semasa mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Objektif lawatan Misuari ialah untuk menjemput syarikat-syarikat Malaysia melabur dan mengadakan usahasama di selatan Filipina yang merupakan satu daripada lima wilayah dalam Kawasan Pertumbuhan Asean Timur.

Banyak pertemuan dihadiri oleh Misuari pada hari ini bermula dengan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi diikuti dengan Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad.

Dalam pertemuan dengan Anwar yang juga Menteri Kewangan, Misuari menurut Setiausaha Rendah Kementerian Luar bagi bahagian Asia Tenggara dan Asia Pasifik Mohd Arshad Hussain, telah meminta bantuan Malaysia dalam mewujudkan Bank Pembangunan Islam.

Sebelum itu Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu pemberita selepas Misuari mengunjunginya di Wisma Putra yang Malaysia boleh menyediakan perancang-perancang di sektor ekonomi dan pakar-pakar untuk melatih rakyat Mindanao.

Abdullah berkata beliau juga telah mencadangkan Mindanao melaksanakan skim pembangunan tanah seperti FELDA bagi membantu rakyat rantau itu memperbaiki taraf kehidupan mereka dari segi mewujudkan peluang pekerjaan supaya mereka memperoleh pendapatan yang lebih lagi.

Bantuan kita kepada ARMM adalah sebagai lanjutan kerjasama dalam rangka kerja hubungan dua hala Malaysia-Filipina, kata Abdullah.

Abdullah berkata, ahli-ahli perniagaan Malaysia telah mula melabur di Mindanao untuk menjalankan penerokaan mineral serta pembangunan pertanian dan infrastruktur.

Sementara itu, Majlis Amanah Rakyat (Mara) bersetuju untuk menyediakan latihan kemahiran bagi usahawan Mindanao selepas menerima kelulusan daripada kerajaan.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad memberitahu pemberita selepas menerima kunjungan Misuari, Mara mempunyai kemudahan untuk menyediakan latihan kemahiran.

Bagaimanapun program latihan itu akan diselenggarakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar. -- BERNAMA

TEAM PR